

10/08/2001

Kung fu Pemuda jejaskan imej MCA

Teh Kean Kiat

PERGESERAN dalam MCA semakin serius hingga ada ahlinya menggunakan kekerasan untuk menggulingkan ahli lain. Penyakit membaling kerusi adalah virus terbaru dalam MCA dan parti itu harus bertindak segera mencari antibiotik bagi menghalang ia menjadi wabak.

Sikap biadap sesetengah perwakilan pada Perhimpunan Agung Pemuda MCA Ke-38, Jumaat lalu, meninggalkan sejarah hitam. Budaya samseng seperti itu amat memalukan, sekali gus menjatuhkan imej parti yang mempunyai lebih 800,000 ahli di seluruh negara.

Ia juga membuktikan pemimpin Pemuda MCA mula hilang pertimbangan sehingga terpaksa menggunakan kuasa polis bagi memastikan perhimpunan agung itu berjalan lancar.

Keadaan itu jelas menunjukkan pergerakan berkenaan belum bersedia menerajui kepemimpinan tertinggi MCA, apatah lagi perwakilan yang menghadiri 'pertandingan kung fu' itu masih memerlukan jagaan 'ibu bapa'.

Kelak, bagaimana masyarakat Cina boleh bergantung harapan kepada mereka sekiranya mereka masih tidak mengubah sikap kebudak-budakan. Sebagai pergerakan yang mewakili lebih 300,000 ahli, perwakilan Pemuda MCA harus bersikap lebih tenang dan rasional, bukannya bertindak mengikut emosi.

Selain itu, tindakan Setiausaha Agungnya, Senator Yew Teong Look, meninggalkan dewan diiringi penyokongnya adalah silap. Apapun keputusan perhimpunan itu, Yew tidak harus berputus asa kerana sokongan terhadapnya masih ada, walaupun tidak sehebat sokongan terhadap Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat.

Satu lagi kesilapan pada perhimpunan agung itu ialah Lim Hong Sang sebagai pengerusi perhimpunan harus mengarahkan perwakilan mengundi secara rahsia untuk meluluskan semua usul, termasuk usul tergempar. Beliau yang dikatakan mewakili puak Ong harus bertindak adil supaya puak Yew tidak berpeluang menuduhnya berat sebelah.

Lembaga Disiplin MCA harus mengambil tindakan tegas terhadap sikap liar dan biadap sesetengah perwakilan. Jika tidak, ahli MCA akan sentiasa bertindak kurang ajar yang akhirnya menyebabkan parti itu terpaksa menanggung akibatnya.

Sikap agresif dan biadap sesetengah perwakilan harus dibendung. Barangkali ada baiknya mereka dipecat daripada menjadi ahli MCA. Ini hanyalah perhimpunan agung tahunan, belum lagi pemilihan parti. Cuba bayangkan apa akan terjadi pada pemilihan parti tahun depan.

Sebaliknya, Perhimpunan Agung Wanita Ke-26 Jumaat lalu, berlangsung dalam keadaan aman. Ia hanya diganggu kekeliruan berikutan perubahan pada resolusi untuk menggesa parti itu mengkaji semula Perlembagaan MCA dan meningkatkan 30 peratus wakil Wanita dalam parti dan kerajaan.

Mungkin ia pertama kali berlaku kekeliruan sehingga ramai wartawan tidak jelas sama ada semua usul sudah diluluskan atau sebaliknya berikutan pengumuman pengerusi perhimpunan itu, Lim Lay Hoon, kurang jelas.

Perhimpunan Agung MCA Ke-48 pula menunjukkan kematangan perwakilan yang tenang dan sabar sepanjang persidangan. Tidak dapat dinafikan kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi perangsang kepada ahli MCA.

Kenyataan Perdana Menteri yang menyifatkan parti itu sebagai satu daripada tulang belakang Barisan Nasional (BN), memberi semangat kepada mereka untuk terus berjuang demi kepentingan dan masa depan masyarakat Cina.

Bagaimanapun, semua ahli MCA harus mengambil iktibar daripada kekecohan

yang berlaku pada Perhimpunan Agung Pemuda dengan mengutamakan kepentingan parti dan masyarakat Cina.

Pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang Press) adalah satu kesilapan besar dalam agenda MCA kerana ia bukan saja menyebabkan masyarakat Cina mula menjauhi MCA, malah menyebabkan hubungan sesama ahli semakin retak.

Keikhlasan parti itu yang dikatakan memberi peluang kepada individu dan mana-mana organisasi membeli saham Nanyang Press mulai pudar. Ternyata MCA kini memerlukan pembaharuan yang dapat mengubah nasib mereka pada pilihan raya akan datang melalui sokongan masyarakat Cina.

Masing-masing perlu membuang fahaman dan mengetepikan persoalan siapa betul, siapa salah selain bekerjasama serta menunjukkan keikhlasan bagi mencari jalan penyelesaian mengurangkan pergeseran sesama sendiri.

Mesyuarat Majlis Presiden yang dahulunya diadakan setiap minggu sudah lama tergantung sejak akhir Mei lalu apabila tercetusnya isu Nanyang Press. Mungkin semua pemimpin harus menggunakan peluang itu untuk duduk semula berbincang dan mencapai kata sepakat bagi merapatkan semula barisan.

Yang penting ialah MCA perlu mencari jalan bagi mengurangkan pergeseran hingga tahap paling minimum.

Mungkin perebutan kuasa boleh dikurangkan ke tahap minimum dengan terlaksananya sistem penggiliran jawatan, dengan semua jawatan tertinggi terhad kepada dua penggal atau enam tahun.

Dengan itu, semua pemimpin tidak kira tua atau muda berpeluang memimpin MCA dan mereka harus mencuba sedaya-upaya untuk membuktikan kebolehan masing-masing.

(END)